

ADAT PERKAHWINAN MELAYU
CADANGAN MEMBUAT ALAT KELENGKAPANNYA DARI SERAMIK
(SATU TEORI)

OLEH
ROHAYA BT. YAACOB
89731465

JABATAN SENIREKA SERAMIK
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR D. E.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

HALAMAN	PEMERIKSA	
ISI KANDUNGAN.....	i	
PENGHARGAAN.....	iii	
PRAWACANA.....	vi	
SIRIH PINANG.....	viii	
PENDAHULUAN.....	ix	
Pengenalan.....	x	
SINOPSIS.....	xiii	
TUJUAN.....	xiv	
KAEDAH.....	xv	
MASALAH.....	xvi	
KESIMPULAN.....	xvii	
BAB 1: LATAR BELAKANG ADAT PERKAHWINAN MELAYU.		
1.1: Asal Usul Adat Perkahwinan Melayu.....	1	
1.2: Definisi.....	4	
1.3: Adat Perkahwinan Sebagai Adat Resam Di Malaysia.....	6	
1.4: Adat Perkahwinan Melayu Sebagai Identiti Melayu.....	9	
BAB 2: KEDUDUKAN ADAT PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT MELAYU.....		13
BAB 3: PERANAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT MELAYU.....		16
BAB 4: ADAT PERKAHWINAN MELAYU DALAM KONTEKS SENI RUPA MELAYU.....		20

PENGHARGAAN

Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya, maka dapatlah saya menyiapkan sebuah tesis yang bertajuk "Adat Perkahwinan Melayu Cadangan Membuat Alat Kelengkapannya Dari Seramik (Satu Teori)".

Walaupun pada asalnya saya telah mengalami dan menempuh pelbagai rintangan dalam proses menyiapkannya, terutama sekali mengenai fakta-fakta sejarah dan fakta-fakta cadangan. Fakta-fakta cadangan ini perlu difikirkan sendiri memandangkan tajuk ini sebagai satu cadangan, maka tidak ada fakta-fakta atau bahan-bahan yang boleh dibuat rujukan.

Namun demikian dengan adanya bantuan, kerjasama, tunjuk ajar dan pandangan membina daripada pihak-pihak tertentu, akhirnya dapat juga saya menyiapkan tesis ini. Di sini ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada:

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia,
Bahagian Sumber Data,
Imfokraf Malaysia.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin dan himpun kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis yang bertajuk " Adat Perkahwinan Melayu Cadangan Membuat Alat-Alat Kelengkapannya Dibuat Dari Seramik (Satu Teori)" ini dibuat adalah bertujuan untuk menyelidik dan mengkaji tentang adat istiadat kebudayaan perkahwinan Melayu di Malaysia yang telah dipusakai sejak turun temurun serta alat-alat kelengkapannya.

Juga untuk mengemukakan cadangan atau saranan untuk membuat alat-alat kelengkapannya daripada seramik. Seramik juga merupakan salah satu kesenian tradisi Melayu. Bahan ini telah mula mendapat tempat istimewa dalam masyarakat Malaysia hari ini. Diharap kombinasi dua kesenian ini akan dapat diterima oleh generasi kini dan seterusnya yang mempunyai tahap pemikiran yang lebih terbuka.

Semoga dengan terhasilnya tesis ini akan memberi panduan dan dorongan kepada generasi baru untuk cuba mencipta sesuatu yang baru bagi menambah khazanah seni t n ah air. Dan kegemilangan kesenian Melayu akan terus berkembang.

Sekian Wassalam.

PENGENALAN

Setiap bangsa mempunyai adat dan tata susilanya yang tersendiri . Daripada adat inilah terbentuknya peraturan dan perundangan dalam hidup. Begitu juga dengan orang Melayu di semenanjung yang sudah pasti mempunyai istiadatnya yang tersendiri.

Dari kecil lagi mereka telah dilingkungi adat istiadat yang mana akan membentuk corak hidup mereka pada masa akan datang. Orang Melayu memang terkenal kepatuhan mereka kepada adat sehingga terciptanya peribahasa Melayu yang melambangkan peribadi mereka iaitu "Biar mati anak jangan mati adat". Beginilah kedudukan pegangan orang Melayu kepada adat. Adat pada mereka seumpama "Isi dengan kuku", iaitu seiring sejalan sejak mula mereka dilahirkan hingga mereka ke liang lahad.

Perkahwinan ialah salah satu daripada pecahan adat-adat yang lahir di kalangan masyarakat Melayu. Ia adalah satu istiadat yang mesti ditempuhi oleh setiap individu masyarakat Melayu, tapi terpulang kepada keadaan di sekelilingnya.

Cara-cara mempraktikkan adat ini adalah mengikut tradisi lama (kepercayaan animisme), iaitu mengikut nenek moyang serta pengaruh luar.